

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN DI MALAYSIA
(BIDANG KUASA RAYUAN)
PERMOHONAN SIVIL NO: M-01-181-2008**

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA (JABATAN KERJA RAYA)

... PEMOHON

DAN

TROPICAL PROFILE SDN BHD (311471-V)

... RESPONDEN

Dalam Perkara Dalam Mahkamah Tinggi Malaya Di Melaka
Saman Pemula : MT1-24-357-2005

Dalam perkara berkenaan dengan Perjanjian Perkhidmatan Teknikal bertarikh 15.11.2001 Dan Rekod Furniture bertarikh 17.3.2003

DAN

Dalam perkara berkenaan dengan Government Proceeding Act 1956 (Act 359) Section 29 (1)(a);

DAN

Dalam perkara berkenaan dengan Aturan 73 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan/atau budibicara Mahkamah Yang Mulia ini yang sedia ada

ANTARA

TROPICAL PROFILE SDN BHD (311471-V)

... PLAINTIF

DAN

1. KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
2. CENTRAL EFFECTIVE SDN BHD
3. REVOLUTIONARY TECHNOLOGY
HOLDING SDN BHD
4. SERI SIANTAN SDN BHD
5. AL-JOFFRIE SDN BHD
6. REVOLUTIONARY TECHNOLOGY
SDN BHD – SIANTAN – AL-JOFFRIE
SDN BHD J.V.

**... DEFENDAN-
DEFENDAN**

Yang diputuskan pada 23hb Oktober 2008

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN DI MALAYSIA
(BIDANG KUASA RAYUAN)
PERMOHONAN SIVIL NO: M-01(1M)-21-2009**

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA (JABATAN KERJA RAYA)

... PEMOHON

DAN

TROPICAL PROFILE SDN BHD (311471-V)

... RESPONDEN

Dalam Perkara Dalam Mahkamah Tinggi Malaya Di Melaka
Saman Pemula : MT1-24-357-2005

Dalam perkara berkenaan dengan Perjanjian Perkhidmatan Teknikal bertarikh 15.11.2001 Dan Rekod Furniture bertarikh 17.3.2003

DAN

Dalam perkara berkenaan dengan Government Proceeding Act 1956 (Act 359) Section 29 (1)(a);

DAN

Dalam perkara berkenaan dengan Aturan 73 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan/atau budibicara Mahkamah Yang Mulia ini yang sedia ada

ANTARA

TROPICAL PROFILE SDN BHD (311471-V)

... PLAINTIF

DAN

1. KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
2. CENTRAL EFFECTIVE SDN BHD
3. REVOLUTIONARY TECHNOLOGY
HOLDING SDN BHD
4. SERI SIANTAN SDN BHD
5. AL-JOFFRIE SDN BHD
6. REVOLUTIONARY TECHNOLOGY
SDN BHD – SIANTAN – AL-JOFFRIE
SDN BHD J.V.

**... DEFENDAN-
DEFENDAN**

Yang diputuskan pada 12hb Januari 2009

Coram : Suriyadi Halim Omar JCA
Heliliah Mohd Yusof JCA
Wan Adnan Muhamad JCA

ALASAN PENGHAKIMAN

Dua Notis Usul telah dipertimbangkan serentak iaitu permohonan sivil No: M-01-181-2008 dan permohonan sivil No: M-01(1M)-21-2009 yang masing-masing akan disebut sebagai Notis Usul Pertama dan Notis Usul Kedua. Permohonan yang dimohon dalam Notis Usul Pertama (kandungan 6a) memohon antara lain perintah berikut:

“(a) Semua prosiding pelaksanaan atas penghakiman Mahkamah Tinggi yang diberikan pada 23.10.2008 digantung sehingga rayuan Pemohon/Defendan Pertama Rayuan Sivil No: M-01-181-2008 di Mahkamah Rayuan didengar dan diputuskan”.

Notis Usul Kedua (kandungan 6a) memohon antara lain perintah berikut:

“(a) Semua prosiding pelaksanaan atas penghakiman Mahkamah Tinggi yang diberikan pada 12.1.2009 digantung sehingga rayuan Pemohon/Defendan Pertama, Rayuan Sivil RS M-01(1M)-21-2009 di Mahkamah Rayuan didengar dan diputuskan”.

Kedua Notis Usul adalah menjalin dan memerlukan latar belakang mengenainya dihuraikan. Responden dalam kedua Notis Usul merupakan Plaintiff di dalam dua tindakan sivil manakala pemohon dalam kedua Notis Usul ini pada asalnya merupakan satu di antara enam Defendan di dalam tindakan sivil yang juga telah difailkan oleh Plaintiff yang sama. Bagi memudahkan rujukan, Responden dalam Notis Usul akan disebut sebagai Plaintiff dan Pemohon disebut sebagai Defendan Pertama.

Plaintif telah memulakan suatu tindakan sivil [MT2-22-114-2006] terhadap satu pihak iaitu Central Effective Sdn Bhd di mana suatu penghakiman diperolehi setelah perbicaraan-perbicaraan penuh diadakan di mana Defendan Central Effective Sdn Bhd diperintahkan membayar kepada Plaintiff wang berjumlah RM4,558,617.37 bersama dengan faedah yang berkenaan. Susulan daripada itu, Plaintiff yang sama memulakan pula tindakan sivil [MT1-24-357-2005] terhadap enam pihak Defendan termasuk Defendan Pertama bagi mendapatkan suatu deklaras di mana Plaintiff menuntut bahawa ianya ada hak-hak terhadap wang penahanan (retention sum) bagi jumlah RM4,558,617.37 berbangkit daripada suatu projek yang dinamakan sebagai "Cadangan Membina Jalan Raya Durian Tunggal – Paya Rumpit Sungai Udang Melaka". Plaintiff berjaya mendapatkan perintah deklaras tersebut di mana Mahkamah Tinggi pada tarikh 23.10.2008 membuat perintah yang berdasarkan penghakiman bertarikh 24.9.2008 di antara Plaintiff dan Central Effective Sdn Bhd. Di dalam tindakan sivil memohonkan deklaras melalui suatu Saman Pemula, Central Effective Sdn Bhd merupakan Defendan Kedua

dalam Saman Pemula. Saman Pemula memohonkan deklarasi [no. rujukan MT1-24-357-2005] itu disusuli pula dengan satu lagi perintah deklarasi yang diperolehi oleh Plaintiff di mana Mahkamah Tinggi pada 12.1.2009 memerintahkan bahawa wang berjumlah RM4,558,617.37 itu dibayar kepada Plaintiff oleh Defendan Pertama.

Defendan Pertama dalam kedua Notis Usul ini telah pun memfailkan rayuan-rayuan terhadap penghakiman-penghakiman yang bertarikh 23.10.2008 dan 12.1.2009 itu. Kedua Notis Usul ini merupakan permohonan interlokutori yang difailkan di bawah Sijil Segera dengan alasan Defendan Pertama yang merupakan perayu di dalam kedua penghakiman di atas khatir bahawa Plaintiff akan berikhtiar untuk melaksanakan penghakiman-penghakiman melalui "Writ of Seizure and Sale".

Penghakiman bertarikh 24.9.2008 itu berlatarbelakangkan suatu projek bertarikh 8.8.2001 di mana Defendan Pertama memberi (award) projek itu kepada Defendan Keenam. Defendan Keenam merupakan suatu badan "joint-venture" yang diwujudkan di antara Defendan Kedua dan Kelima. Defendan Keenam telah melantik Defendan Kedua sebagai sub-kontraktor bagi tujuan melaksanakan projek tersebut. Berlanjutan daripada itu, Defendan Kedua dan Plaintiff memeterai suatu perjanjian bagi perkhidmatan teknikal bertarikh 15.11.2001 dengan balasan berjumlah RM53,574,414.50 dan juga satu lagi surat penerimaan tender. Pembayaran-pembayaran bagi perkhidmatan teknikal yang disebutkan di atas dikatakan berlaku "back to back" iaitu daripada Defendan Pertama ke Defendan Keenam, ke

Defendan Kedua dan akhirnya kepada Plaintiff. Perlu diulangi aspek dalam tindakan-tindakan sivil Plaintiff di mana Defendan Kedua di antara enam Defendan yang dinyatakan di atas, Defendan Kedua ada hubungkait (nexus) yang terus-menerus dengan Defendan Keenam manakala Defendan Keenam di award projek oleh Defendan Pertama. Defendan Kedua pula ada kaitan kontraktual dengan Plaintiff.

Walau bagaimanapun pada masa yang sama, tatkala 98% daripada projek itu selesai disempurnakan, Defendan Kedua gagal membuat pembayaran di mana Plaintiff memulakan tindakan sivil terhadap Defendan Kedua untuk mendapatkan pembayaran. Di peringkat itu, Defendan Pertama dikatakan telah mencelah dan menjemput Plaintiff untuk menghadiri satu mesyuarat dan Pengarah Projek bagi Defendan Pertama disebut sebagai membuat beberapa pengumuman berkaitan dengan pembayaran iaitu Pengarah Projek tersebut mendakwa akan membayar terus-menerus kepada Plaintiff. Tindakan Plaintiff terhadap Defendan Pertama berasaskan kepada apa yang disebutkan sebagai “doctrine of trust and estoppel”. Di sebaliknya pula, peguam kanan persekutuan yang mewakili Defendan Pertama menghujahkan bahawa ada jumlah RM4,049,914.00 yang merupakan bayaran penahanan yang diperlukan untuk pembayaran terhadap kos penyelenggaraan di dalam projek yang sama. Namun, Plaintiff masih berjaya mendapatkan perintah deklarasi dengan liabiliti berasaskan kepada prinsip “trust and estoppel” dan Plaintiff memperolehi perintah mahkamah bahawa jumlah RM4,558,617.37 itu layak dituntut oleh Plaintiff.

Asas-asas permohonan dalam kedua Notis Usul Defendan Pertama mempamerkan remedi yang dipohon ialah mahkamah ini melaksanakan budi-bicara di atas premis bahawa terdapat hal keadaan khas (atau “special circumstances”). Dihuraikan juga sekiranya permohonan-permohonan dalam kedua Notis Usul ini gagal diperolehi, rayuan-rayuan yang dikemukakan oleh Defendan Pertama sekiranya berjaya akan menjadi sia-sia (rendered nugatory). Perlu dinyatakan di peringkat Mahkamah Tinggi permohonan Defendan Pertama untuk menangguhkan pelaksanaan kedua-dua penghakiman yang diperolehi Plaintiff ditolak. Defendan memohon mahkamah ini menjalankan budi-bicara melalui Rules of The Court of Appeal 1994 r.13 yang mana memperuntukkan:

“An appeal shall not operate as a stay of execution or of proceedings under the decision appealed from unless the High Court or the Court so orders and no intermediate act or proceeding shall be invalidated except so far as the Court may direct”.

Alasan-alasan yang dibentangkan oleh peguam kanan persekutuan bagi pihak Defendan Pertama bahawa wujud hal keadaan khas untuk permohonan penggantungan pelaksanaan berlandaskan kepada fakta wang sebanyak RM4,558,617.37 yang diperintahkan dilepaskan dan dibayar kepada Plaintiff adalah sebahagian dari wang jaminan pelaksanaan (performance bond) yang diperuntukan untuk membaiki kecacatan projek yang dijalankan oleh Defendan Keenam bagi pihak Defendan Pertama. Peguam kanan persekutuan juga menghujahkan pelaksanaan perintah akan membuat rayuan di Mahkamah Rayuan sia-sia di atas sebab Plaintiff tidak

berkeupayaan untuk membayar balik jumlah wang RM4.5 juta lebih tersebut jika keputusan Mahkamah Rayuan memihak kepada Defendan Pertama. Defendan Pertama juga menghujah bahawa Plaintif tidak akan diprejudiskan sekiranya pelaksanaan perintah digantung sementara rayuan di Mahkamah Rayuan diputuskan. Disebutkan juga bahawa rayuan Defendan Pertama mempunyai merit.

Plaintif sebaliknya menafikan hujahan Defendan Pertama bahawa rayuan akan menjadi sia-sia seandainya keputusan Mahkamah Rayuan memihak kepada Defendan Pertama di atas sebab Plaintif adalah solven memandangkan banyak lagi projek-projek sebagai sub-kontraktor yang diperolehi oleh Plaintif sejak November 2001. Plaintif juga menyatakan bahawa pihak Defendan Pertama gagal mewujudkan apa-apa hal keadaan khas yang boleh dipercayai (credible) dan bermerit.

Di peringkat permohonan untuk penggantungan pelaksanaan dalam keadaan adanya rayuan, mahkamah tidak dibenarkan menyelami apakah merit-merit yang ada di dalam rayuan Defendan Pertama itu. Mahkamah juga tidak memerlukan mengambil kira sama ada rayuan Defendan Pertama akan berjaya atau sebaliknya. Dalam kes **Leong Poh Shee v Ng Kat Chong [1966] 1 MLJ 86** Raja Azlan Shah (*as His Majesty then was*) menyatakan:

‘Although the court has an unqualified discretion to grant a stay it has never been the practice to do so unless it is supported by an affidavit of special circumstances. The law on the point is well settled. I quote a

passage from *Halsbury's Laws of England*, 3rd Edition, Volume 16, paragraph 51 at page 35:-

“The court has an absolute and unfettered discretion as to the granting or refusing a stay, and as to the terms upon which it will grant it, and will, as a rule, only grant it if there are special circumstances, which must be deposed to on affidavit unless the application is made at the hearing”.

I would also adopt a passage in *Mallal's Supreme Court Practice* at page 573 where the learned author said:

“A stay will not be allowed unless there are special circumstances”.

... Special circumstances, as the phrase implies, must be special under the circumstances as distinguished from ordinary circumstances. It must be something exceptional in character, something that exceeds or excels in some way that which is usual or common’.

Di dalam prosiding ini jelas bahawa alasan Defendan Pertama dalam menyatakan bahawa pelaksanaan perintah akan membuat rayuan di Mahkamah Rayuan sia-sia (nugatory) di atas sebab Plaintiff tidak berkeupayaan untuk membayar balik jumlah wang tersebut jika keputusan Mahkamah Rayuan memihak kepada Defendan Pertama merupakan sebahagian penting (iaitu “part and parcel”) bagi hujahan bahawa wujudnya hal keadaan yang khas. Jika diteliti hujahan ini bermaksud bahawa prinsip hal keadaan yang khas itu bukan saling eksklusif (mutually exclusive) dengan prinsip bahawa keputusan rayuan yang memihak kepada Defendan Pertama akan menjadi sia-sia. Ini diperlihatkan dari perenggan (a) ii dalam alasan bagi Notis Usul Pertama dan perenggan a (ii) dalam alasan bagi Notis Usul Kedua.

Kedua prinsip tersebut bukan merupakan prinsip yang berbeza-beza atau berasingan sama sekali.

Suatu analisis yang luas dan mendalam telah dikupas di dalam kes **Kosma Palm Oil Mill Sdn Bhd & Ors v Koperasi Serbausaha Makmur Bhd [2003] 4 CLJ 14** di mana Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman Augustine Paul JCA (*as he then was*) memberi penimbangan terhadap prinsip dan isu apakah faktor-faktor yang mewujudkan hal keadaan khas (*special circumstances*). Penghakiman beliau juga menyentuh bukan sahaja kes-kes di peringkat Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Agung, tetapi juga menyentuh kes-kes di peringkat Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi bahkan juga kes-kes di United Kingdom. Wajar diperhatikan dalam alasan penghakiman Mahkamah Persekutuan teguran-teguran mengenai prinsip “*special circumstances*” dan/atau “*nugatoriness*” dalam kes-kes telah diulangkaji dan pendekatan-pendekatan yang bertentangan diselaras dan dirukunkan. Berlandaskan kepada prinsip *stare decisis*, Mahkamah Rayuan wajar merujuk kepada beberapa penjelasan dalam kes tersebut sebagai panduan dalam mengimbangkan hujahan-hujahan yang telah diutarakan di dalam prosiding mendengar Notis Usul Pertama dan Kedua ini. Di atas sebab Kosma Palm Oil Mill Sdn Bhd & Ors, *supra*, telah mengupas secara terperinci pendekatan yang wajar diaplikasikan bagi tujuan mengimbang apakah budi-bicara yang boleh membenarkan permohonan ini, petikan-petikan berikut wajar dirujuk iaitu:

‘ “Be that as it may, it is my misfortune to say that the description of the special circumstances test in *See Teow Guan & Ors v. Kian Joo Holdings Sdn Bhd & Anor* [1997] 2 CLJ 299 as bad law stems from a misunderstanding of the relationship between the concepts of special circumstances and nugatoriness. An appreciation of the meaning of the phrase “special circumstances” may resolve the confusion. As Ian HC Chin JC (as he then was) said in *Government of Malaysia v. Datuk Haji Kadir Mohamad Mastan and Another Case* [1993] 4 CLJ 98 at pp. 101-102:

An attempt was made to define special circumstances by Raja Azlan Shah (as His Majesty then was) in the case of *Leong Poh Shee v. Ng Kat Chong* [1966] 1 MLJ 86, viz:

Special circumstances, as the phrase implies, must be special under the circumstances as distinguished from ordinary circumstances. It must be something exceptional in character, something that exceeds or excels in some way that which is usual or common.

The definition only serves to emphasize the fact that there are myriad circumstances that could constitute special circumstances with each case depending on its own facts. I am of the opinion that the list of factors constituting special circumstances is infinite and could grow with time. Any attempt to limit the list or close a category would be to impose a fetter on the exercise of the discretion of the court whether to grant or stay an execution; making the discretion less of a discretion. This is surely not what discretion is all about.

The resultant matter for determination are the factors or reasons that may constitute special circumstances. Generally stated they are circumstances which go to the enforcement of the judgment (see *Sarwari a/p Ainuddin v. Abdul Aziz a/l Ainuddin* [1999] 8 CLJ 534). With regard to the specific factors that constitute special circumstances I refer again to *Government of Malaysia v Datuk Haji Kadir Mohamad Mastan and Another Case* [1993] 4 CLJ 98 where Ian HC Chin JC (as he then was) said at p. 101:

What, then, constitute special circumstances? It was said in *Mohamed Mustafa v. Kandasami (No 2)* [1979] 2 MLJ 126, at p. 127, that:

One of the determining factors that calls for consideration is whether by not making an order of stay of the execution it would make the appeal if successful, nugatory in that it would deprive an appellant of the results of the appeal. How pertinent that factor would be may vary according to the circumstances of each particular case.

In *Smith, Hogg & Co Ltd v. The Black Sea and Baltic General Insurance Co Ltd* 162 LTR 11 Scott LJ said at p. 12:

The Court of Appeal has had to consider this question some time ago and decided that the practice on appeals to the House of Lords was that stay of execution, pending such an appeal, would not be granted save under very exceptional circumstances, such as for instance, where execution would destroy the subject-matter of the action or deprive the appellant of the means of prosecuting the appeal.

In *Rosengrens Ltd v. Safe Deposit Centres Ltd* (unreported, 19 July 1984, CA, Lexis Nexis) Dillon LJ said:

The most common special circumstance is, normally no doubt, that it would be doubtful whether, if the judgment was enforced, the defendant would get his money back if the appeal subsequently succeeded. But there are others as, for instance, if there is a likelihood that the money the subject of the judgment, if paid over, would go to a foreign jurisdiction where the defendant would have difficulty recovering it.

Finally, in *Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd; Ling Beng Sung v Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd & Ors (No 2)* [1976] 1 MLJ 131 Lee Hun Hoe CJ (Borneo) in writing for the Federal Court said in clear and lucid terms at p. 132:

An appeal which would be nugatory if stay was refused by reason of the poverty of the respondent would be an example of special circumstances. See *Wilson v. Church (No 2)* [1879] 12 Ch D 454. Another example is that payment of a judgment debt would destroy the substratum of the appeal: *Metropolitan Real and General Property Trust Ltd v. Slaters and Bodega Ltd* [1941] 1 All ER 310. However, an allegation on an appeal that there has been misdirection at the trial would not be sufficient to bring it within the special circumstances: *Monk v Bartram* [1891] 1 QB 346.

Halsbury's Laws of England 4th edn, vol 17 at para 455 cites the following authorities as examples of special circumstances: that an appeal would be nugatory if stay was refused, by reason of the respondent's poverty (*Wilson v. Church (No 2)* [1879] 12 Ch D 454, CA); or if payment of a judgment debt destroys the substratum of the appeal (*Metropolitan Real and General Property Trust Ltd v. Slaters and Bodega Ltd* [1941] 1 All ER 310, CA); absence from England without address of a party to whom money in court was ordered to be paid out (*Broadford v. Young, Re Falconer's Trusts* [1884] 28 Ch D 18, CA); that an administration order has been made against the estate of a debtor dead since judgment and before execution issued (*Ranken v. Harwood, Ranken v. Boulton* [1846] 5 Hare 215); judgment in favour of an alien enemy (*Robinson & Co v. Continental Insurance Co of Mannheim* [1915] 1 KB 155; and judgment against an alien enemy company whose assets are subject to Treasury control (*Leader v. Direction de Disconto Gesellschaft* [1915] 3 KB 154, CA). It is therefore clear beyond doubt that there are many factors that may constitute special circumstances and the fact that an appeal would be rendered nugatory if stay was refused is the most common one. It is an example of special circumstances. In other words special circumstances is the genus of which nugatoriness is a species. If it has been shown that an appeal would be rendered nugatory if stay was refused what it means is that a special circumstance has been established. Thus they cannot be treated as separate heads and one cannot be an alternative to the other. Neither can

one be accepted or rejected in favour of the other as they are inter-related. See *Teow Guan & Ors v. Kian Joo Holdings Sdn Bhd & Anor* [1997] 2 CLJ 299 could have withstood scrutiny if it had merely referred to nugatoriness without rejecting special circumstances. As nugatoriness is a species of special circumstances a mere reference to it is sufficient to convey the correct legal impression. Any attempt to restrict the grant of a stay to nugatoriness, quite apart from its impropriety, will severely restrict the grounds on which an applicant may rely. Learned counsel for the applicants is therefore wrong in submitting that the nugatory approach is not a matter for consideration in this case as what is relevant is only the special circumstances. He would have been correct if he had said that he was not relying on nugatoriness but on some other species of special circumstances”.

Berbalik kepada fakta-fakta yang dibentangkan di dalam kedua Notis Usul Pertama dan Kedua itu bagi maksud mengenal pasti asas permohonan, affidavit-affidavit sokongan bagi kedua-dua pihak mendedahkan bahawa Defendan Pertama pada asalnya telah mengawardkan projek kepada Defendan Keenam di atas balasan RM205 juta dan Defendan Keenam merupakan suatu entiti yang terdiri dari gabungan yang tidak diperbadankan yang ditubuhkan di antara Defendan Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima dan entiti inilah yang melantik Defendan Kedua sebagai sub-kontraktor untuk melaksanakan sebahagian projek. Sebagaimana dijelaskan di atas, Defendan Kedua merupakan pihak yang mana Plaintiff telah pada asalnya memfailkan satu tindakan bagi menuntut pembayaran. Affidavit-affidavit yang difailkan oleh Defendan Pertama juga mempertikaikan bahawa sejumlah wang sebanyak RM4,558,617.37 itu

menjadi sebahagian dari wang jaminan pelaksanaan (performance bond) yang diperuntukkan untuk membaiki kecacatan projek yang dijalankan oleh Defendan Keenam bagi pihak Defendan Pertama. Wujud di sini suatu keadaan yang agak pelik di mana wang penahanan (retention money) yang dikatakan Plaintiff berhak menuntut adanya pertindihan dengan wang yang perlu ditahan oleh Defendan Pertama bagi tujuan memastikan wang jaminan pelaksanaan yang akan ditunaikan mengikut perjanjian dan juga peraturan-peraturan kewangan kerajaan atau pekeliling kerajaan. Situasi ini dirumitkan lagi memandangkan Defendan Kedua kini juga digulungkan.

Aspek kedua yang perlu diberi perhatian khusus dari affidavit-affidavit ini adalah kedudukan kewangan Plaintiff itu sendiri. Plaintiff melalui affidavit-affidavit cuba mempertahankan bahawa mereka adalah solven atau kukuh dari segi kedudukan kewangan. Walau bagaimanapun, sebagaimana telah diujahkan oleh peguam kanan persekutuan bagi pihak Defendan Pertama selain daripada senarai-senarai projek-projek yang dikatakan dilaksanakan pada tahun kebelakangan ataupun akan dilaksanakan oleh Plaintiff pada tahun ini iaitu 2009, tidak ada dokumen lain yang mencerminkan status kewangan sebenar Plaintiff. Ini diuraikan melalui salinan carian syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia melalui eksibit "ZMJ-5". Apa yang disenaraikan sebagai projek Plaintiff tanpa kenyataan lain menjurus kepada "hearsay". Kedua aspek di atas menimbulkan persoalan bahawa pertindihan tuntutan-tuntutan bagi pihak Plaintiff dan Defendan Pertama itu mewujudkan keadaan di mana adanya isu-isu yang wajar diselesaikan melalui rayuan. Di samping itu, kedudukan

kewangan Tropical Profile (M) Sdn Bhd iaitu Plaintiff juga menjadi persoalan. Penggantungan pelaksanaan penghakiman-penghakiman atau “stay” yang dipohon oleh Defendan Pertama dalam keadaan kedua Notis Usul boleh dikategorikan sebagai mirip dengan satu injunksi interlokutori di mana dari segi dasarnya perintah penggantungan itu suatu perintah larangan (prohibitory order). Memandangkan demikian, didapati wajar suatu pernyataan dipetik dari **Regina v Secretary of State for Transport, ex parte Factortame Ltd & Ors (2) Appeal Court (AC) 603** di muka surat 659 per Lord Bridge:

“A decision to grant or withhold interim relief in the protection of disputed rights at a time when the merits of the dispute cannot be finally resolved must always involve an element of risk. If, in the end, the claimant succeeds in a case where interim relief has been refused, he will have suffered an injustice. If, in the end, he fails in a case where interim relief has been granted, injustice will have been done to the other party. The objective which underlies the principles by which the discretion is to be guided must always be to ensure that the court shall choose the course which, in all the circumstances, appears to offer the best prospect that eventual injustice will be avoided or minimised”.

Di dalam prosiding ini juga perlu diimbangkan hujahan bahawa fakta-fakta yang terdapat dalam kedua Notis Usul ini boleh disebut sebagai terjatuhnya di dalam lingkungan adanya keadaan luar biasa memandangkan seandainya keputusan Mahkamah Rayuan memihak kepada Defendan Pertama sebagai perayu, kedudukan Plaintiff tidak akan terjejas. Di sebaliknya pula, tidak dapat dipastikan dengan jelas bahawa sekiranya keputusan dalam Mahkamah Rayuan memihak

kepada Plaintiff sebagai Responden dalam rayuan, kedudukan pihak Defendan Pertama tidak akan menghadapi kemudharatan oleh sebab adanya lagi jumlah wang yang diperlukan untuk membaiki kecacatan projek. Dalam kata lain jumlah wang yang dipertikaikan boleh disebut sebagai “substratum” rayuan dan jika dilupuskan boleh memprejudiskan Defendan Pertama. Didapati affidavit-affidavit Plaintiff yang dibentangkan mengenai kedudukan kewangan tidak memadai untuk memperkukuhkan apakah Plaintiff benar boleh mengembalikan wang yang dikata wang penahanan untuk membaiki kecacatan projek.

Di atas sebab-sebab yang dihurai di atas mahkamah ini memutuskan bahawa hal keadaan khas (special circumstances) wujud dan dengan demikian mewajarkan budi-bicara dilaksanakan dengan memihak kepada Defendan Pertama sebagai pemohon-pemohon dalam Notis Usul Pertama dan Notis Usul Kedua.

Dengan demikian diputuskan dengan sebulat suara oleh mahkamah ini perintah adalah seperti dipohon bagi perenggan (a) dan (b) [Kandungan 6a] Notis Usul Pertama, serta bagi perenggan (a) dan (b) [Kandungan 6a] Notis Usul Kedua.

Bertarikh 13 April 2009.

t.t.

(DATUK HELILIAH BT. MOHD YUSOF)

Hakim

Mahkamah Rayuan Malaysia.

PERMOHONAN SIVIL NO: M-01-181-2008

Bagi pihak Pemohon:

Zaliha bt. Mohd Janis
Peguam Kanan Persekutuan

Bagi pihak Responden:

S. Ashok
Tetuan T.K. Wong, Tan & Associates
Peguambela dan Peguamcara
30B, Jalan SS22/25, Damansara Jaya
47400 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.

PERMOHONAN SIVIL NO: M-01(1M)-21-2009

Bagi pihak Pemohon:

Zaliha bt. Mohd Janis
Peguam Kanan Persekutuan

Bagi pihak Responden:

S. Ashok
Tetuan T.K. Wong, Tan & Associates
Peguambela dan Peguamcara
30B, Jalan SS22/25, Damansara Jaya
47400 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.